

BAB I : PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Masalah

Ilmu Usuluddin merupakan satu mekanisme penting bagi melahirkan individu muslim yang beriman dan bertakwa kepada Allah SWT. Ia juga berfungsi sebagai benteng untuk mempertahankan akidah umat Islam daripada diresapi unsur-unsur syirik sekali gus mampu membentuk sebuah masyarakat yang berakhhlak mulia. Ini berikutnya, Rasulullah SAW berjuang menyebarkan akidah Islam kepada manusia walaupun mendapat tentangan yang hebat daripada musuh-musuh Islam ketika itu. Ini menunjukkan bahawa akidah Islam merupakan tunjang utama bagi membentuk manusia yang berupaya mengendalikan alam berlandaskan petunjuk Allah SWT.

Ilmu Usuluddin yang dimaksudkan di sini juga dinamakan sebagai Ilmu Tauhid. Ilmu Tauhid adalah satu disiplin ilmu yang mengandungi persoalan tentang kewujudan Allah SWT serta perbincangan tentang sifat-sifat yang wajib, mustahil dan harus bagi-Nya. Ia juga berkait-rapat dengan persoalan kenabian dan segala apa yang dibawa oleh para nabi khususnya yang berkenaan dengan perkara-perkara kepercayaan kepada perkara-perkara ghaib seperti syurga, neraka, malaikat dan sebagainya.¹ Ia dinamakan sebagai Ilmu Tauhid kerana pokok persoalan di dalam ilmu ini bertujuan menetapkan keimanan bahawa Allah SWT

¹ Muhammad 'Abduh (1986), *Risālah al-Tawḥīd*, c. 4. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 5

esa dari sudut zat-Nya, sifat-sifat-Nya dan perbuatan-Nya.² Dalam erti kata yang lain, segala yang dinisbahkan kepada Allah SWT adalah tidak menyamai makhluk.

Ilmu Tauhid juga dinamakan sebagai Ilmu Kalam kerana kebanyakan permasalahan yang wujud di dalam ilmu ini adalah menyentuh tentang kalam Allah sama ada ia makhluk atau sebaliknya.³ Selain daripada itu, ia juga dinamakan Ilmu Kalam kerana di dalam ilmu ini banyak menyentuh tentang perdebatan (*al-jadal*) di kalangan orang-orang Islam tentang beberapa permasalahan yang timbul di dalam perkara yang berkaitan dengan akidah.⁴ Misalnya, tentang masalah pelaku dosa besar, adakah mereka akan dikenakan di dalam neraka atau sebaliknya. Bahkan, segala perbincangan di dalam ilmu ini juga adalah berkaitan dengan perkara asas di dalam agama atau disebut sebagai *Uṣūl al-Dīn* (Usuluddin).⁵ Justeru, di dalam penyelidikan ini akan digunakan istilah Usuluddin yang merujuk kepada erti yang sama dengan Ilmu Tauhid atau Ilmu Akidah.

Sifat-sifat Ilmu Usuluddin atau disebut juga sebagai Ilmu Tauhid mempunyai beberapa tujuan seperti mengeluarkan insan daripada kegelapan, menjadikan seseorang melakukan kebaikan dan meninggalkan keburukan serta membina individu menjadi pencinta kebenaran dan kemakmuran yang hakiki.⁶

² *Ibid.*

³ *Ibid.*

⁴ Abdul 'Aziz Sayf al-Naṣr (1983), *Falsafah 'Ilm al-Kalām*, c. 1. T.T.P.: T.P., h. 7

⁵ Muḥammad 'Abduh, *op. cit.*

⁶ A. Malik Ahmad (1980), *Tauhid Membina Peribadi Muslim dan Masyarakat*, c. 4. Jakarta: Penerbit al-Hidayah, h. 29

Dengan ini, Ilmu Usuluddin bertindak sebagai pemangkin yang melonjakkan kehidupan manusia ke arah kehidupan yang harmonis dan tidak disaluti unsur-unsur keburukan di dalam sesebuah masyarakat.

Justeru, tidak dapat dinafikan lagi bahawa Ilmu Usuluddin memainkan peranan utama untuk membina peribadi mulia. Dengan itu, antara mata pelajaran yang diajar di sekolah-sekolah seluruh Malaysia ialah mata pelajaran Pendidikan Islam yang mengandungi perbincangan mengenai Ilmu Usuluddin yang merangkumi pengajaran akidah. Bahkan, kelas-kelas khas bagi mempelajari agama telah diwujudkan. Ini menggambarkan bahawa kesedaran terhadap kepentingan pelajaran agama mula berkembang di kalangan masyarakat negara ini.

Namun, satu persoalan yang sering diperkatakan dewasa ini ialah tentang keruntuhan akhlak di kalangan pelajar-pelajar sekolah di negara ini. Sedangkan, mereka telah mempelajari tentang Ilmu Akidah (tauhid) di dalam mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah masing-masing. Oleh yang demikian, satu penyelidikan harus dilakukan untuk mengetahui tentang permasalahan berkenaan yang berlaku di kalangan pelajar sekolah menengah harian biasa. Untuk itu, kajian ini akan cuba untuk mengetahui tahap hasil pelaksanaan pembelajaran Ilmu Usuluddin sebagaimana yang terdapat di dalam KBSM. Walau bagaimanapun, penyelidikan ini hanya tertumpu kepada aspek pemahaman, penghayatan, aktiviti dan permasalahan yang berlaku di peringkat pelajar sendiri dan penyelidikan ini hanya tertumpu di negeri Terengganu sahaja.

Oleh hal demikian, bagi merealisasikan tujuan ini, bahan-bahan yang berkaitan dengan silibus, pengajaran dan pembelajaran di dalam Ilmu Usuluddin perlu dikumpul dan diselidiki. Begitu juga, borang kaji selidik akan diedarkan kepada pelajar-pelajar sekolah menengah harian biasa bagi mengetahui hasil daripada pelaksanaan KBSM di dalam pengajaran Ilmu Usuluddin yang terdapat di dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Semoga dengan usaha ini akan dapat menjawab persoalan yang berlaku terutamanya pandangan masyarakat terhadap Ilmu Usuluddin itu sendiri yang dikatakan mampu membentuk peribadi muslim yang mulia. Justeru, diharapkan segala komitmen untuk melakukan penyelidikan mengenai persoalan dan tajuk ini akan mendapat kerjasama daripada semua pihak.

1.2 Pengertian Tajuk dan Perumusan Masalah

Tajuk yang telah dipersetujui ialah **“Pengajaran Ilmu Usuluddin Dalam KBSM, Kementerian Pendidikan Malaysia : Analisis Terhadap Pelaksanaannya di Terengganu”**. Sebelum rumusan dilakukan, amatlah wajar jika dihuraikan tentang istilah-istilah yang terdapat di dalam tajuk yang diluluskan. Istilah-istilah tersebut termasuklah **pengajaran, Ilmu Usuluddin, analisis, Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dan negeri Terengganu**.

Pengajaran merupakan kata nama terbitan daripada perkataan ajar. Menurut Kamus Dewan, pengajaran adalah menyentuh tentang aspek mengajar dan segala sesuatu yang berkaitan dengan mengajar seperti sistem, cara, aspek yang

dipentingkan dan sebagainya.⁷ Selain daripada itu, pengajaran juga ditakrifkan sebagai kegiatan-kegiatan tersusun yang dibuat khusus untuk para pelajar dengan tujuan membawa perubahan ke dalam diri mereka.⁸ Sementara itu, pengajaran juga ditakrifkan sebagai aktiviti atau proses yang berkaitan dengan penyebaran ilmu pengetahuan atau kemahiran yang tertentu. Ia meliputi perkara-perkara seperti aktiviti perancangan, pengelolaan, penyampaian, bimbingan dan penilaian. Ini adalah bertujuan menyampaikan ilmu pengetahuan atau kemahiran kepada pelajar dengan cara yang berkesan.⁹ Justeru, di dalam penyelidikan ini, yang akan ditumpukan ialah aktiviti pembelajaran Ilmu Usuluddin di dalam KBSM dan hasil pelaksanaannya yang merangkumi pemahaman dan penghayatan di kalangan pelajar sekolah mengengah harian biasa di negeri Terengganu. Ilmu Usuluddin pula adalah rangkaian daripada dua patah perkataan iaitu, ilmu dan Usuluddin. Ilmu bermaksud pengetahuan dan kepandaian dalam perkara dunia dan akhirat serta zahir dan batin.¹⁰ Manakala istilah Usuluddin pula terdiri daripada dua perkataan, iaitu *uṣūl* (asas) dan *al-dīn* (agama). Justeru, usuluddin bermaksud asas agama. Ia juga disebut sebagai Ilmu Tauhid yang bererti keesaan atau ketunggalan Allah SWT. Begitu juga, perkara yang turut diperbincangkan ialah perkara-perkara yang datang daripada-Nya seperti kepercayaan kepada malaikat, rasul dan kitab. Selain daripada itu, persoalan yang turut menjadi perbahasan ialah tentang *al-ma'ād* yang merangkumi *mafsyar*, *hisāb*, ganjaran syurga dan azab neraka. Di dalam KBSM, ia disebut sebagai akidah.

⁷ Teuku Iskandar (1989), *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 16

⁸ Asmah Hj. Ahmad (1989), *Pedagogi 1*. Petaling Jaya: Longman Sdn. Bhd., h. 4

⁹ Mok Soon Sang (1997), *Pedagogi 2*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd., h. 1

¹⁰ Teuku Iskandar (1989), *op. cit.*, h. 436

Seterusnya, analisis adalah sinonim dengan perkataan analisa yang membawa maksud penyelidikan atau penghuraian sesuatu (seperti keadaan, masalah, persoalan, dan lain-lain) untuk mengetahui pelbagai aspeknya secara terperinci atau mendalam.¹¹ Justeru, analisis ialah suatu penyelidikan yang dilakukan dengan cara menilai segenap aspek terhadap subjek kajian. Ini bertujuan membuat ulasan atau kesimpulan berlandaskan alasan-alasan yang kukuh dan tidak boleh dipertikai. Apa yang dimaksudkan di sini ialah melakukan penyelidikan secara analisis terhadap pelaksanaan aktiviti pembelajaran Ilmu Usuluddin di sekolah-sekolah negeri Terengganu yang terangkum di dalam KBSM.

Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) pula terdiri daripada beberapa istilah perkataan yang perlu dihuraikan. Istilah yang dimaksudkan ialah kurikulum, bersepadu dan sekolah menengah. Kurikulum bermaksud skop dan isi kandungan sesuatu mata pelajaran di sekolah dan lain-lain.¹² Bersepadu pula ialah perkataan yang berasal daripada kata dasarnya iaitu padu. Bersepadu bererti berkaitan erat dan tidak terpisah antara pelbagai unsur.¹³ Sekolah pula bermaksud tempat untuk belajar dan mengajar atau dengan kata lain, tempat menerima dan memberi pengajaran.¹⁴ Justeru sekolah menengah yang dimaksudkan di sini ialah tempat belajar dan memberi ajaran selepas para pelajar menduduki peringkat sekolah rendah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Maksudnya, para pelajar yang telah lulus tahap enam di sekolah rendah, mereka akan belajar pula di

¹¹ *Ibid.*, h. 38

¹² *Ibid.*, h. 682

¹³ *Ibid.*, h. 886

¹⁴ *Ibid.*, h. 1136

Seterusnya, analisis adalah sinonim dengan perkataan analisa yang membawa maksud penyelidikan atau penghuraian sesuatu (seperti keadaan, masalah, persoalan, dan lain-lain) untuk mengetahui pelbagai aspeknya secara terperinci atau mendalam.¹¹ Justeru, analisis ialah suatu penyelidikan yang dilakukan dengan cara menilai segenap aspek terhadap subjek kajian. Ini bertujuan membuat ulasan atau kesimpulan berlandaskan alasan-alasan yang kukuh dan tidak boleh dipertikai. Apa yang dimaksudkan di sini ialah melakukan penyelidikan secara analisis terhadap pelaksanaan aktiviti pembelajaran Ilmu Usuluddin di sekolah-sekolah negeri Terengganu yang terangkum di dalam KBSM.

Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) pula terdiri daripada beberapa istilah perkataan yang perlu dihuraikan. Istilah yang dimaksudkan ialah kurikulum, bersepadu dan sekolah menengah. Kurikulum bermaksud skop dan isi kandungan sesuatu mata pelajaran di sekolah dan lain-lain.¹² Bersepadu pula ialah perkataan yang berasal daripada kata dasarnya iaitu padu. Bersepadu bererti berkaitan erat dan tidak terpisah antara pelbagai unsur.¹³ Sekolah pula bermaksud tempat untuk belajar dan mengajar atau dengan kata lain, tempat menerima dan memberi pengajaran.¹⁴ Justeru sekolah menengah yang dimaksudkan di sini ialah tempat belajar dan memberi ajaran selepas para pelajar menduduki peringkat sekolah rendah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Maksudnya, para pelajar yang telah lulus tahap enam di sekolah rendah, mereka akan belajar pula di

¹¹ *Ibid.*, h. 38

¹² *Ibid.*, h. 682

¹³ *Ibid.*, h. 886

¹⁴ *Ibid.*, h. 1136

sekolah menengah. Oleh itu, Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) ialah segala bentuk pengajaran sama ada yang berkaitan dengan subjek, metodologi dan sebagainya secara menyeluruh dan bersepadu di peringkat menengah. Fokus utama di dalam KBSM ialah bagi memperkembangkan individu yang bersepadu dan merangkumi aspek intelek, rohani, jasmani dan emosi. KBSM digubal berdasarkan kepada beberapa prinsip, iaitu :

- i) Kesinambungan Pendidikan Rendah dengan Pendidikan Menengah.
- ii) Pendidikan umum untuk semua pelajar.
- iii) Penggunaan disiplin ilmu yang ada.
- iv) Kesepadan antara unsur-unsur intelek, rohani, emosi dan jasmani.
- v) Penekanan nilai-nilai murni.
- vi) Peningkatan penggunaan Bahasa Melayu.
- vii) Pendidikan seumur hidup.¹⁵

Ringkasnya, Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) mempunyai misi tersendiri bagi menjana pelajar yang berdaya saing dan mempunyai nilai-nilai keperibadian yang tinggi.

Selanjutnya, Kementerian Pendidikan Malaysia ialah satu badan tertinggi dalam negara yang menguruskan semua hal ehwal mengenai pendidikan di Malaysia. Ini merangkumi pendidikan daripada peringkat pra, rendah, menengah dan tinggi. Maka, kementerian ini bertanggungjawab sepenuhnya untuk mentadbir

¹⁵ Buku Penerangan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (1992). Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia, h. 6

segala urusan yang berkaitan dengan pendidikan. Kementerian ini diterajui oleh seorang menteri yang dinamakan sebagai Menteri Pendidikan.

Tempat kajian yang akan ditumpukan di dalam penyelidikan ini ialah di sekolah-sekolah menengah negeri Terengganu. Terengganu merupakan sebuah negeri yang terletak di garisan bujur antara 102.25° T dengan 103.5° T dan garisan lintang 4° U hingga 5.5° U di Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Di sebelah Barat Utara dan Barat Lautnya terletak negeri Kelantan sementara di Selatan dan Barat Dayanya terdapat negeri Pahang. Panjang negeri Terengganu adalah kira-kira 133.5 batu persegi dan lebarnya kira-kira 60 batu persegi. Keluasan tanahnya ialah 5030.9 batu persegi.¹⁶ Dari sudut pembahagian kawasan, negeri ini mempunyai beberapa daerah yang ditadbir oleh Pejabat Daerah masing-masing. Daerah-daerah tersebut ialah Kuala Terengganu, Marang, Dungun, Kemaman, Ulu Terengganu, Setiu dan Besut.

Sementara itu, sekolah di negeri Terengganu terdiri daripada sekolah rendah dan menengah. Jumlah sekolah rendah adalah sebanyak 210 buah dan sekolah menengah berjumlah 76 buah termasuk sekolah menengah agama dan teknik. Maklumat tentang jumlah sekolah rendah dan menengah mengikut daerah di negeri Terengganu dinyatakan di dalam jadual di bawah ;

¹⁶ *Sejarah Perkembangan Sekolah-Sekolah Negeri Terengganu* (1975). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. xv

Jadual 1.2 : Jumlah sekolah rendah dan menengah di negeri Terengganu mengikut daerah

Bil.	Daerah	Sekolah Rendah	Sekolah Menengah
1.	Kuala Terengganu	66	21
2.	Dungun	30	14
3.	Marang	18	7
4.	Kemaman	26	12
5.	Ulu Terengganu	27	6
6.	Setiu	33	5
7.	Besut	10	11
	JUMLAH	210	76

Sumber : Bahagian Sekolah-Sekolah, Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu

Sebagai rumusan daripada pengertian tajuk yang dinyatakan, tujuan penyelidikan ini adalah untuk mengetahui tahap pelaksanaan pembelajaran Ilmu Usuluddin di sekolah-sekolah menengah harian biasa di negeri Terengganu yang meliputi pemahaman, penghayatan, aktiviti dan permasalahan yang berlaku di kalangan pelajar di sekolah berkenaan. Oleh yang demikian, pencerakinan terhadap bahan-bahan yang berbentuk dokumen dan borang kaji selidik perlu dilakukan bagi mencapai matlamat tersebut.

1.3 Objektif Penyelidikan

Dalam menjalankan penyelidikan ini, ia mempunyai beberapa maksud dan tujuan. Di antaranya adalah untuk :

- i. Menilai tahap pemahaman pelajar di sekolah-sekolah negeri Terengganu tentang konsep asas di dalam Ilmu Usuluddin khususnya tentang rukun-rukun iman.
- ii. Menilai tahap penghayatan pelajar di sekolah-sekolah negeri Terengganu tentang konsep asas di dalam Ilmu Usuluddin khususnya tentang rukun-rukun iman.
- iii. Menilai tahap pelaksanaan aktiviti-aktiviti pembelajaran Ilmu Usuluddin di sekolah-sekolah menengah di Terengganu menurut apa yang digariskan di dalam KBSM.
- iv. Menganalisa permasalahan para pelajar di dalam pembelajaran mereka tentang Ilmu Usuluddin di dalam KBSM.

1.4 Metodologi Penyelidikan

Penyelidikan yang akan dilakukan ini adalah berbentuk Penyelidikan Perpustakaan (Library Research) dan Penyelidikan Lapangan (Field Research). Ini bermakna, penyelidikan ini adalah bersumberkan data-data yang diperolehi daripada bahan-bahan seperti buku, dokumen, jurnal dan sebagainya. Begitu juga, bagi melengkapkan lagi kajian ini, penulis menggunakan kaedah pengumpulan data dalam bentuk soal selidik.

Metodologi Penyelidikan yang akan digunakan bagi melengkapkan kajian ini meliputi tiga skop utama, iaitu Metode Penentuan Subjek, Metode Pengumpulan Data dan Metode Analisis Data.

1.4.1 Metode Penentuan Subjek

Kaedah ini menggunakan metode *sampling* bagi menentukan subjek kajian bagi memudahkan penulis sendiri. Apa yang dimaksudkan di sini ialah penulis memfokuskan kajian kepada beberapa buah sekolah di negeri Terengganu bagi mendapatkan maklum balas daripada pelajar mengenai tahap pelaksanaan KBSM yang berkaitan dengan Ilmu Usuluddin.

1.4.2 Metode Pengumpulan Data

Bagi mendapatkan data dan fakta untuk menyempurnakan penyelidikan ini, beberapa kaedah pengumpulan data digunakan. Di antara metode-metode tersebut ialah seperti Metode Dokumentasi dan Metode Soal Selidik.

1.4.2(a) Metode Dokumentasi

Metode Dokumentasi adalah mendapatkan data-data daripada buku, dokumen, jurnal dan sebagainya. Oleh itu, beberapa buah perpustakaan telah dikenal pasti sebagai tempat untuk mendapatkan bahan-bahan tersebut, iaitu :

- i) Perpustakaan Utama, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- ii) Perpustakaan Peringatan Za'ba, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- iii) Perpustakaan Awam Islam, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Kuala Lumpur.
- iv) Perpustakaan Negara, Kuala Lumpur.
- v) Perpustakaan Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- vi) Perpustakaan Al-Mukhtar, Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu, Terengganu.

1.4.2(b) Metode Kaji Selidik

Di dalam kajian ini, penulis menggunakan borang kaji selidik bagi mendapatkan maklum balas pelajar-pelajar sekolah menengah mengenai pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Ilmu Usuluddin di sekolah masing-masing. Memandangkan penyelidikan ini hanya tertumpu kepada pandangan daripada para pelajar, maka borang kaji selidik ini diedarkan kepada para pelajar sahaja melalui pos dan bantuan daripada guru agama sekolah-sekolah berkenaan. Sementara itu, borang kaji selidik ini adalah dihasilkan berpandukan kepada kurikulum yang telah ditetapkan di dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah bagi subjek Pendidikan Islam oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

Selain daripada itu, responden bagi borang kaji selidik ini ialah terdiri daripada pelajar-pelajar sekolah menengah di negeri Terengganu. Penulis telah memilih beberapa buah sekolah di negeri Terengganu untuk diedarkan borang kaji selidik tersebut. Sekolah-sekolah dan jumlah borang kaji selidik yang diperolehi adalah seperti di dalam jadual berikut :

Jadual 1.4.2(b) : Nama sekolah mengikut daerah dan jumlah borang kaji selidik yang diperolehi

Daerah	Nama Sekolah	Jumlah Responden
Kuala Terengganu	SMK Sultan Ahmad	10
	SMK Seri Budiman	10
	SMK Panji Alam	10
	SMK Bukit Besar	10
	SMK Bukit Tunggal	9
	SMK Ibrahim Fikri	10

Jadual 1.4.2(b), sambungan

	SMK Tengku Bariah	10
Ulu Terengganu	SMK Ajil	8
Dungun	SMK Paka SMK Sultan Omar SMK Pulau Serai	10 10 9
Kemaman	SMK Sultan Ismail SMK Chukai SMK Kerteh	9 10 10
Setiu	SMK Tengku Ibrahim SMK Chalok	10 10
Marang	SMK Merchang SMK Bukit Sawa	10 10
Besut	SMK Renek SMK Seri Nering SMK Tengku Mahmud	9 10 10
	Jumlah	204

1.4.3 Metode Analisis Data

Bagi menganalisa data-data yang diperolehi, beberapa teknik digunakan iaitu seperti Metode Induktif, Metode Deduktif dan Metode Komparatif (Perbandingan).

1.4.3(a) Metode Induktif

Metode Induktif ialah penganalisaan pola berfikir yang mencari pembuktian daripada dalil-dalil yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil-dalil umum (penggunaan data-data yang bersifat khusus bagi menentukan kesimpulan-kesimpulan yang bersifat umum). Sebagai contoh, kesimpulan terhadap kajian ini yang diperolehi daripada borang kaji selidik yang diedarkan kepada pelajar-pelajar di sekolah-sekolah tertentu dijadikan sebagai asas untuk menyatakan bahawa pelajar sekolah menengah harian biasa di negeri Terengganu adalah sebagaimana dapatan di dalam penyelidikan ini.

1.4.3(b) Metode Deduktif

Metode Deduktif ialah penggunaan cara penganalisaan data berdasarkan pola berfikir yang mencari pembuktian dengan berpijak kepada dalil-dalil umum terhadap hal-hal khusus. Di dalam konteks kajian ini, kurikulum yang berkaitan dengan Ilmu Usuluddin di dalam KBSM yang digubal Kementerian Pendidikan Malaysia dijadikan bahan utama untuk mengetahui tahap pelaksanaannya hanya di negeri Terengganu sahaja. Sedangkan, KBSM yang digubal adalah untuk diamalkan di sekolah-sekolah seluruh Malaysia.

1.4.3(c) Metode Komparatif

Metode ini ialah cara membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan terhadap data-data yang diperolehi dalam masa melakukan penyelidikan. Sebagai contoh, perbandingan akan dilakukan di antara metodologi pengajaran Ilmu

Usuluddin (khususnya akidah) yang dilaksanakan di sekolah menengah harian biasa negeri Terengganu dengan metodologi yang digariskan di dalam KBSM.

1.5 Kajian Literatur

Di antara kajian-kajian yang telah dilakukan sebelum ini yang berkaitan dengan pengajaran Ilmu Usuluddin atau akidah adalah seperti berikut :

- i. "Pemahaman Tentang Hari Kiamat di kalangan remaja di Sekolah Menengah Teknik Kangar, Perlis". Ia merupakan sebuah disertasi tulisan Ahmad Ruhaidy Mohd Ramli yang dikemukakan kepada Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya pada tahun 2003. Di dalam disertasi tersebut, beliau mengupas tentang latar belakang Sekolah Menengah Teknik Kangar Perlis serta dapatan kajian beliau tentang pemahaman pelajar sekolah berkenaan mengenai hari kiamat. Justeru, ia hanya menyentuh tentang pemahaman pelajar terhadap satu aspek sahaja di dalam rukun iman iaitu hari kiamat.
- ii. "Pembelajaran Ilmu Usuluddin atau Ilmu Tauhid di Sekolah-Sekolah Menengah Agama Negeri Sembilan". Ia merupakan latihan ilmiah tulisan Amiruddin Mohd. Khairi yang dikemukakan kepada Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya pada tahun 1992. Di dalam kajian ini, beliau menyentuh tentang aspek pembelajaran ilmu akidah di dalam kelas di sekolah-sekolah menengah agama negeri Sembilan. Dapatan kajian beliau menyatakan bahawa

aktiviti-aktiviti pembelajaran ilmu akidah di sekolah-sekolah berkenaan perlu mendapat suntikan baru kerana terdapat masalah-masalah yang perlu diperbaiki.

- iii. "Keberkesanan Pendidikan Islam KBSM : Satu Tinjauan di Sekolah Menengah Kebangsaan Temenggong Kati Kuala Kangsar Perak". Ia merupakan latihan ilmiah tulisan Syafini Hj. Abdullah yang dikemukakan kepada Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya pada tahun 2002. Di dalam kajian beliau menyentuh tentang hasil pembelajaran Pendidikan Islam di sekolah Menengah Kebangsaan Temenggong Kati Kuala Kangsar yang menyentuh tentang pemahaman dan disiplin pelajar hasil daripada mereka mempelajari Pendidikan Islam yang digariskan di dalam KBSM. Di dalam kajian beliau didapati bahawa tahap keberkesanan Pendidikan Islam KBSM masih di tahap yang sederhana.
- iv. "Pengajian Tauhid di Sekolah Menengah Ugama (Arab) Al-Sabirin, Ayer Lanas, Jeli : Suatu Kajian mengenai kesannya dalam cara hidup pelajar". Ia merupakan sebuah disertasi tulisan Ibrahim Fikri Mamat yang dikemukakan kepada Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya pada tahun 2002. Di dalam kajian tersebut, beliau mendapati bahawa pengajian Tauhid di sekolah berkenaan sedikit-sebanyak telah memberi kesan di dalam cara hidup pelajar. Ini dapat dilihat di dalam kajian beliau tentang aspek-aspek perubahan yang berlaku hasil daripada Ilmu Tauhid yang diajar di sekolah berkenaan.

- v. "Keberkesanan Kurikulum Pendidikan Islam KBSM Terhadap Masalah Akhlak dan Disiplin Pelajar : Satu Kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan di Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan". Ia merupakan sebuah disertasi tulisan Mohamad Maliki Haji Ali yang dikemukakan kepada Fakulti Perniagaan dan Perakaunan, Universiti Malaya pada tahun 1999. Di dalam kajian tersebut, beliau menyentuh tentang tahap keberkesanan Kurikulum Pendidikan Islam KBSM di kalangan pelajar sekolah berkenaan dan didapati bahawa keberkesanannya masih berada di tahap yang rendah.
- vi. "Kesan Pendidikan Islam Terhadap Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah Agama : Satu Kajian di Sekolah Menengah Agama Al-Khairiah Temerloh, Pahang". Ia merupakan latihan ilmiah tulisan Nor Liza Hamid yang dikemukakan kepada Fakulti Usuluddin, Universiti Malaya pada tahun 1992. Di dalam kajian beliau, didapati subjek Pendidikan Islam yang diajar kepada pelajar sekolah berkenaan telah memberi kesan terhadap kehidupan pelajar. Misalnya, peningkatan amalan seperti berpuasa sunat, sembahyang fardu secara berjemaah dan sebagainya.
- vii. "Pembelajaran Ilmu Usuluddin di Sekolah-Sekolah Agama yang wujud di Negeri Terengganu sekitar tahun 1988 hingga 1990". Ia merupakan sebuah latihan ilmiah tulisan Rohhawati Ibrahim yang dikemukakan kepada Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya pada tahun 1991. Di dalam kajian ini, beliau menyatakan secara umum tentang pelaksanaan pembelajaran Ilmu Usuluddin di sekolah-sekolah berkenaan.

- viii. “Pembelajaran Tauhid di Sekolah-Sekolah Agama Negeri Kelantan : Satu Kajian di SMU (A) Amir Indra Petra Beris Kubur Besar, Bachok, Kelantan”. Ia merupakan latihan ilmiah tulisan Abdul Manaf Daud yang dikemukakan kepada Fakulti Usuluddin, Universiti Malaya pada tahun 1990. Di dalam kajian ini, penulisnya hanya menyentuh tentang beberapa aspek di dalam pembelajaran Tauhid di sekolah berkenaan seperti persekitaran bilik darjah, aktiviti pembelajaran dan pemahaman pelajar tentang apa yang dipelajari di dalam Ilmu Tauhid tersebut.
- ix. “Pengajian Ilmu Tauhid (Akidah) : Satu Kajian Khusus Terhadap Sistem Pembelajaran di Sekolah Menengah Ugama (Atas) Sultan Zainal Abidin Kuala Terengganu”. Ia merupakan sebuah latihan ilmiah tulisan Siti Sapo Abdullah yang dikemukakan kepada Fakulti Usuluddin, Universiti Malaya pada tahun 1989. Di dalam kajian tersebut, penulisnya menyatakan tentang sistem dan pelaksanaan pembelajaran Ilmu Tauhid di sekolah berkenaan yang didapati terdapat beberapa kelemahan seperti alat bantu mengajar dan bahan-bahan di dalam pembelajaran.

Setelah dinyatakan tentang kajian-kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu, didapati bahawa tajuk penyelidikan yang dilakukan ini masih tidak diterokai oleh mereka. Walaupun kedapatan beberapa kajian yang seakan-akan mirip kepada penyelidikan yang dilakukan ini, namun aspek perbincangannya masih terlalu sempit kerana lebih menjurus kepada sesebuah sekolah sahaja. Justeru, penyelidikan ini amat relevan untuk dijadikan sebagai

penemuan baru di dalam pengajaran dan pembelajaran Ilmu Usuluddin sebagaimana yang terdapat di dalam KBSM.

1.6 Susunan Penulisan

i

Penyelidikan ini dikategorikan kepada tiga klasifikasi utama, iaitu Bahagian Pendahuluan, Bahagian Isi dan Bahagian Akhir.

1.6.1 Bahagian Pendahuluan

Bahagian ini adalah terdiri daripada beberapa perkara, iaitu ;

- i. Halaman Judul
- ii. Halaman Abstrak
- iii. Halaman Penghargaan
- iv. Halaman Isi Kandungan
- v. Halaman Senarai Rajah
- vi. Halaman Senarai Jadual

1.6.2 Bahagian Isi

Bahagian ini terdiri daripada beberapa bab. Oleh itu, penyelidikan ini dibahagikan kepada beberapa bab seperti berikut ;

BAB I : PENDAHULUAN

Di dalam bab ini, akan dihuraikan mengenai latar belakang persoalan penyelidikan, tajuk dan pengertiannya, tujuan penyelidikan, metodologi

penyelidikan dan rumusan masalah kajian. Ini merupakan bab permulaan dalam sesebuah penyelidikan yang bersifat ilmiah.

BAB II : ILMU USULUDDIN

Bab Kedua merupakan kerangka teori yang membincangkan tentang latar belakang istilah secara terperinci. Dengan itu, di dalam bab ini akan dibincangkan tentang Ilmu Usuluddin. Justeru, ia dibahagikan kepada beberapa bahagian, iaitu ;

- i) Pengertian Ilmu Usuluddin
- ii) Sejarah Perkembangan Ilmu Usuluddin
- iii) Faktor-Faktor Perkembangan Ilmu Usuluddin
- iv) Kandungan Persoalan Dalam Ilmu Usuluddin

BAB III : PENGENALAN TENTANG KURIKULUM BERSEPADU SEKOLAH MENENGAH (KBSM)

Bab ini juga dijadikan sebagai landasan teori untuk membincangkan secara khusus tentang KBSM. Oleh itu, di dalam bab ini dibahagikan kepada beberapa perkara utama, iaitu ;

- i. Pengertian dan Konsep Kurikulum
- ii. Latar Belakang KBSM
- iii. Silibus Ilmu Usuluddin Dalam KBSM

BAB IV : ANALISIS TERHADAP KBSM

Di dalam bab ini, segala data yang diperolehi daripada borang kaji selidik yang diedarkan kepada pelajar dianalisis untuk menilai tahap pemahaman, penghayatan, aktiviti pembelajaran dan permasalahan yang mereka hadapi. Oleh itu, secara ringkasnya bab ini akan menyentuh beberapa aspek iaitu ;

- i. Dapatkan kajian tentang maklumat responden
- ii. Dapatkan kajian tentang tahap pemahaman responden tentang Ilmu Usuluddin di dalam KBSM
- iii. Dapatkan kajian tentang tahap penghargaan responden tentang Ilmu Usuluddin di dalam KBSM
- iv. Dapatkan kajian tentang pelaksanaan aktiviti pembelajaran responden di sekolah sebagaimana yang digariskan di dalam KBSM
- v. Dapatkan kajian tentang permasalahan responden tentang pembelajaran Ilmu Usuluddin di dalam KBSM

BAB V : PENUTUP

Dalam bab ini akan dinyatakan tentang kesimpulan dan saranan-saranan yang difikirkan relevan bagi meningkatkan mutu silibus dan pengajaran Ilmu Usuluddin di dalam KBSM.

1.6.3 Bahagian Akhir

Bahagian ini terdiri daripada beberapa perkara, iaitu ;

- i) Bibliografi
- ii) Lampiran